

## PEMBANGUNAN LAMAN WEB E-MULTI LING MU'JAM SEBAGAI ALTERNATIF PEMBELAJARAN KENDIRI: SATU ANALISIS KEPERLUAN

Dr. Amani Nawii, PM Dr. Lubna Abd Rahman<sup>ii</sup>, Arnida A Bakar<sup>iii</sup>, Wahida Mansori<sup>iv</sup>

<sup>i</sup> (Penulis Koresponden) Pensyarah, Universiti Sains Islam Malaysia. [amani@usim.edu.my](mailto:amani@usim.edu.my)

<sup>ii</sup> Pensyarah, Universiti Sains Islam Malaysia. [lubna@usim.edu.my](mailto:lubna@usim.edu.my)

<sup>iii</sup> Pensyarah, Universiti Sains Islam Malaysia. [arnida@usim.edu.my](mailto:arnida@usim.edu.my)

<sup>iv</sup> Pensyarah, Universiti Sains Islam Malaysia. [wahida@usim.edu.my](mailto:wahida@usim.edu.my)

### Abstrak

*Sejak pandemik Covid-19 melanda dunia dan negara secara khususnya, semua institusi pendidikan di pelbagai peringkat mula memberi tumpuan kepada peningkatan kualiti pembelajaran dalam talian sebagai kaedah penyampaian dan pemudahcaraan. Hal ini dapat dilihat menerusi beberapa usaha dan kajian yang dilakukan oleh pelbagai pihak, selaras dengan kemudahan dan kemajuan teknologi yang semakin menarik, efektif dan bersifat dinamik. Objektif utama kertas kerja ini adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan laman web sebagai alternatif pembelajaran sendiri dalam kalangan pelajar universiti. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti masalah yang sering dihadapi oleh pelajar semasa menggunakan laman web sebagai platform pembelajaran. Kajian tinjauan yang berbentuk kuantitatif ini dijalankan sebagai satu analisis keperluan kepada pembangunan kamus kontekstual pelbagai bahasa berasaskan web yang dinamakan sebagai E-Multiling Mu'jam. Hasil kajian ini sangat penting bagi membantu para penyelidik mereka bentuk dan membangunkan laman web pembelajaran ini selari dengan kehendak dan keperluan pengguna. Responden kajian terdiri daripada para pelajar di Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang mengambil mata pelajaran Kemahiran Terjemahan (BAL4143). Instrumen kajian berbentuk soal selidik akan digunakan untuk mengumpul data. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian Microsoft Excel secara deskriptif untuk melihat min, peratusan dan kekerapan. Kajian ini diharap dapat dijadikan pemangkin kepada usaha mengintegrasikan ilmu pengetahuan dan kemahiran pelajar terutamanya dalam pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua.*

*Kata kunci: Kamus berasaskan web, pembelajaran sendiri, laman web pembelajaran*

### PENDAHULUAN

Pandemik COVID-19 menyebabkan krisis global yang memberi impak kepada sektor pendidikan tinggi negara. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menyarankan agar semua universiti awam menjalankan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian sepenuhnya bagi suku pertama 2020/2021. Pendekatan ini diambil bagi mengekang penularan COVID-19 sekaligus memastikan sesi pembelajaran dapat diteruskan tanpa perlu membuat sebarang penangguhan.

Pendekatan pembelajaran sendiri merupakan norma baharu yang perlu dipraktikkan oleh pelajar di semua peringkat pengajian lebih-lebih lagi para pelajar

yang berada di institusi pengajian tinggi seperti kolej dan universiti. Mereka perlu bijak mengatur pembelajaran dengan panduan yang diberikan oleh guru atau pensyarah. Sumber pembelajaran pula adalah tidak terhad kepada buku, modul dan bahan bercetak sahaja. Sebaliknya, pelajar boleh menggunakan bahan digital yang boleh didapati secara dalam talian menerusi pelbagai laman web yang dibangunkan untuk tujuan pendidikan. Penggunaan laman web dalam proses pengajaran dan pembelajaran sudah menjadi satu kebiasaan pada masa kini. Ia mampu meningkatkan tumpuan para pelajar dan memberi kesan kepada proses pembelajaran menerusi pemilihan laman web yang betul dan penggunaannya yang berterusan (Kamarul Azmi dan Ab.Halim, 2007).

Penggunaan laman web sebagai alternatif pembelajaran sendiri memberi banyak manfaat kepada pelajar. Laman web biasanya mengandungi teks, grafik, audio, animasi dan video yang berpotensi menarik minat dan meningkatkan motivasi pelajar dalam pembelajaran. Ia turut menjadikan proses pembelajaran lebih interaktif dan menarik. Selain itu, ia dapat menjana kemahiran inkuisitif pelajar untuk mencari dan mendapatkan maklumat atau topik pembelajaran yang bersesuaian dengan tahap mereka.

Antara laman web yang boleh dimanfaatkan oleh pelajar bahasa Arab bagi tujuan pembelajaran ialah kamus elektronik seperti *almaany.com* (<https://www.almaany.com>), mesin terjemahan *Reverso Context* (<https://context.reverso.net/translation/>), portal pembelajaran bahasa Arab (<https://learning.aljazeera.net/ar>), portal pembelajaran terbuka dalam talian (<https://www.openlearning.com/malaysiamoocs/>) dan pelbagai lagi. Namun begitu, dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia, kamus elektronik yang bersifat kontekstual dan interaktif masih sangat terhad untuk dicapai oleh para pelajar. Justeru, melihat kepada kepentingan laman web sebagai sumber dan alat bantu pembelajaran yang sangat relevan pada masa kini, kajian berkaitan pembangunan laman web yang berpusatkan pelajar perlu dikembangkan. Analisis keperluan perlu dijalankan terlebih dahulu sebagai langkah asas bagi pembinaan sesuatu modul atau bahan pengajaran dan pembelajaran.

## PEMBELAJARAN KENDIRI MELALUI LAMAN WEB

Bertitik-tolak daripada konsep pembelajaran berpusatkan pelajar (*student-centred learning*) yang diamalkan dalam dunia pendidikan sejak kurun ke-21, pelajar dapat mengembangkan potensi diri dan dilatih supaya lebih berdikari untuk menimba pengetahuan dan mengasah kemahiran dalam pembelajaran (O'Neill & McMahan, 2005; Jones, 2007). Hal ini menuntut pelajar untuk melakukan pelbagai kaedah atau strategi pembelajaran berbentuk konstruktif seperti latihan tubi, pembelajaran

kendiri, perbincangan berkumpulan dan nota ringkas, di samping mendapat bimbingan dan tunjuk ajar secara terus daripada guru atau pensyarah.

Dalam bahagian ini, penulis hanya membincangkan pembelajaran sendiri dan memfokuskan salah satu daripada kaedah pembelajaran tersebut iaitu pembelajaran melalui laman web. Pembelajaran sendiri dilihat sangat penting untuk membentuk keupayaan pelajar dalam mengakses ilmu pengetahuan dan memperoleh kemahiran yang dikehendaki. Pembelajaran sendiri (*self-learning*) bermaksud proses pembelajaran yang dilakukan sendiri oleh individu sama ada dengan atau tanpa bantuan orang lain, dalam usaha untuk mengenal pasti keperluan dan memformulasi objektif dalam pembelajaran, selain mengenal pasti sumber rujukan dan menilai hasil pembelajaran (Knowles, 1975).

Proses pembelajaran ini dilihat penting untuk membina kemahiran personal yang boleh meningkatkan motivasi dan keyakinan diri yang tinggi dalam diri pelajar dan membantu mereka untuk mengembangkan keupayaan intelektual dan kemahiran menyelesaikan masalah (Reyes, 2019). Ini kerana pembelajaran sendiri adalah satu bentuk kemahiran penting yang melatih pelajar untuk berdikari dan mengurangkan kebergantungan kepada pendidik (Muhamaad Razis Ismail, 2020). Mempelbagaikan kaedah atau strategi pembelajaran untuk memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang menyumbang kepada kejayaan pelajar, dilihat sangat penting dalam proses pendidikan. Dalam proses pembelajaran sendiri, antara kaedah yang boleh diamalkan ialah pembelajaran melalui laman web. Era teknologi masa kini menyaksikan pertumbuhan pesat pembinaan laman web berasaskan pendidikan bagi tujuan membantu guru dan pelajar untuk mengakses pengetahuan tidak kira di mana mereka berada; sama ada di dalam atau di luar kelas.

Internet telah mula berkembang di seluruh dunia sejak penghujung kurun ke-20 sebagai salah satu sumber maklumat serta ilmu pengetahuan dan menjadi platform yang diguna pakai semua golongan masyarakat untuk mencari dan mendapatkan maklumat dalam pelbagai bidang. Di Malaysia, perkembangan internet bermula pada awal kurun ke-21 dengan penubuhan Koridor Raya Multimedia (*Multimedia Super Corridor-MSK*). Sejak itu, penggunaan internet mula mengambil tempat sebagai sebahagian daripada unsur pedagogi dalam pemerolehan ilmu dan maklumat, sebagai alternatif kepada kaedah tradisional (Ahmad Razaai & Norhasni, 2007). Malah, kurikulum sekolah yang digubal juga diintegrasikan dengan aspek teknologi sebagai usaha untuk memupuk minat dan membentuk sikap positif pelajar terhadap perkembangan teknologi masa kini (Tengku Zawawi, 1999 dalam Zaleha & Nor Idayu Syhida, 2011).

Penggunaan laman web adalah relevan kerana komputer dan internet telah menjadi kemestian bagi masyarakat pada masa kini dan ini menjadikan pembelajaran

melalui laman web amat tinggi permintaannya. Teknologi internet dan web memainkan peranan utama sebagai agen komunikasi, interaksi, pendidikan dan sosialisasi masyarakat dunia (Norliza et.al, 2013). Dengan kepesatan teknologi maklumat dan komunikasi pada masa kini, pembelajaran melalui laman web digunakan dalam bidang pendidikan secara meluas sebagai salah satu cara untuk menarik minat pelajar di samping mewujudkan pembelajaran aktif dan berkesan. Oleh itu, usaha untuk membangunkan laman web dilihat amatlah wajar dan perlu diperluas khususnya sebagai pengukuhan kepada proses pengajaran dan pembelajaran (Johari & Mohd Hairil, 2011).

Lazimnya, reka bentuk laman web yang dibangunkan bukan hanya berinformasi, tetapi juga menarik minat pelajar kerana mengandungi maklumat dalam pelbagai bentuk dan persembahan yang berupaya mencetuskan motivasi dan tindak balas pelajar untuk belajar seperti grafik, animasi, video dan audio. Hakikatnya, penggunaan laman web dalam pembelajaran bukan sahaja menarik minat pelajar, tetapi juga menggalakkan pembelajaran sendiri dan eksplorasi maklumat di mana sahaja berada tanpa terikat dengan jadual kelas atau kuliah, dengan syarat mempunyai talian internet. Bertepatan dengan konsep pendidikan maya yang semakin popular terutamanya sejak penularan wabak COVID-19, pembangunan laman web dalam pelbagai latar bidang dilihat perlu, sebagai usaha untuk membantu para pelajar mendapatkan akses kepada maklumat tambahan secara sendiri untuk mengukuh ilmu pengetahuan yang diperolehi di dalam kelas atau kuliah.

## **ANALISIS KEPERLUAN DALAM KAJIAN REKA BENTUK DAN PEMBANGUNAN**

Analisis keperluan adalah salah satu proses yang penting dalam kajian pembangunan kurikulum atau program bahasa seperti model atau modul pengajaran, alat bantu mengajar atau produk pendidikan. Terdapat pelbagai takrifan yang telah dikemukakan oleh para sarjana dalam mendefinisikan maksud analisis keperluan dalam pembangunan modul. Brown (1995) menyatakan bahawa analisis keperluan ialah satu proses pengumpulan data dan analisis yang sistematik terhadap segala maklumat yang bersifat konkrit atau subjektif dalam menentukan keberkesanan dan keampuhan sesuatu kurikulum atau modul pengajaran bagi memenuhi kehendak dan keperluan pembelajaran seorang pelajar yang berada dalam lingkungan pengkhususan tertentu, serta mampu mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran. Witkin (1997) mendefinisikan analisis keperluan sebagai kaedah untuk mengenal pasti jurang di antara keadaan semasa yang berlaku dan persekitaran yang ingin disasarkan. Manakala McKillip (1987) pula menyatakan bahawa analisis keperluan adalah satu proses untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh kumpulan sasaran dengan tujuan mencari penyelesaian.

Oleh yang demikian, menurut Muhammad Ridhuan (2014), analisis keperluan perlu dijalankan untuk mengenalpasti sesuatu isu atau masalah yang mungkin berlaku semasa membangunkan sesuatu modul pengajaran dan pembelajaran terutama yang berasaskan teknologi. Dalam bidang bahasa seperti bahasa Arab, analisis keperluan telah lama dikenal pasti sebagai metodologi penting yang digunakan dalam perancangan pendidikan (Benesch, 2001). Hyland (2005) berpendapat bahawa analisis keperluan dapat diklasifikasikan sebagai satu teknologi dalam pendidikan, yang mana ia digunakan pada tahap awal kursus bahasa, semasa kursus bahasa atau pasca kursus. Data yang dikumpulkan daripada analisis keperluan dapat digunakan sebagai asas untuk membina bahan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan persekitaran yang telah ditentukan (Benesch, 2001). Hal ini selari dengan apa yang dinyatakan oleh Richey & Klein (2007) bahawa maklumat yang dikumpulkan daripada fasa analisis keperluan akan digunakan untuk menentukan kandungan bahan instruksi dan juga kaedah penyampaian pengajaran secara optima.

Untuk menjalankan kajian analisis keperluan, Hutchinson dan Waters (1987) mencadangkan tiga elemen penting yang perlu diberi perhatian iaitu; keperluan kumpulan sasaran, kekurangan, dan kehendak mereka. 'Keperluan' merujuk kepada apa yang perlu dipelajari oleh pelajar agar mencapai objektif yang disasarkan. 'Kekurangan' pula merujuk kepada jurang antara apa yang sudah diketahui oleh pelajar dengan kemahiran baru yang ingin diterapkan. Manakala 'kehendak' lebih bersifat subjektif iaitu merujuk kepada apa yang diperlukan oleh pelajar bagi membolehkan mereka mencapai objektif yang ditetapkan. Selain itu, dalam usaha menjalankan analisis keperluan dalam bidang bahasa secara khusus, Momtazur, Thang, Mohd & Norizan (2009) dan Vifansi (2002) mencadangkan supaya modul pengajaran yang dibangunkan bukan sahaja perlu mencapai objektif pembelajaran yang ditetapkan, malah ia juga perlu memenuhi keperluan pembelajaran kumpulan sasaran. 'Keperluan pembelajaran' yang dimaksudkan merujuk kepada kemahiran baru yang ingin dicapai melalui modul yang dibangunkan dan kesukaran yang dihadapi oleh kumpulan sasaran untuk mencapai kemahiran tersebut. Oleh itu, modul yang dibangunkan perlu mempertimbangkan kedua-dua keperluan ini bagi membolehkan pelajar mencapai objektif pembelajaran serta mampu mengaplikasi kemahiran baru tersebut dalam bidang pekerjaan setelah tamat pengajian (Bacha, 2003).

Justeru, bagi membangunkan kamus kontekstual elektronik berasaskan web (*E-multiling Mu'jam*) yang bakal menjadi rujukan para pelajar terutamanya dalam bidang bahasa Arab, analisis keperluan adalah satu proses yang penting untuk mendalami faktor, kehendak dan juga kebarangkalian wujudnya masalah dalam kalangan pelajar semasa menggunakan laman web sebagai platform pembelajaran sendiri. Ia adalah

langkah awal bagi merangka dan membangunkan bahan pembelajaran dengan lebih efektif.

## LATAR BELAKANG MASALAH

Kajian lepas telah menunjukkan bahawa penggunaan kamus yang kerap dan konsisten dapat membantu pelajar meningkatkan penguasaan bahasa asing (Norma Mohamad, 2002; Che Abdul Majid & Hassan Basri, 2011; Siscanova, 2016). Sejarah leksikografi atau pembangunan kamus telah melalui beberapa era bermula daripada pengumpulan entri yang dibukukan secara bertulis yang mengandungi beberapa jilid sehinggalah terhasilnya kamus elektronik berbantuan komputer dan internet (Nik Safiah, 1994).

Kamus elektronik adalah salah satu inovasi pendidikan yang mana ia dapat diakses melalui peranti elektronik seperti komputer, rangkaian internet atau telefon bimbit. Secara asasnya, kamus elektronik boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu; kamus yang berasaskan perisian komputer (*software-based dictionaries*), kamus berasaskan laman web (*website page-based dictionaries*) dan kamus berasaskan perisian aplikasi mudah alih (*mobile application dictionaries*) (R. Taufiqurrochman, 2016).

Pembinaan pelbagai jenis kamus sama ada ekabahasa, dwibahasa atau tribahasa yang menggunakan pelbagai medium persembahan ini mencerminkan kemajuan dan pengembangan pengetahuan dalam sesuatu bahasa termasuklah bahasa Arab. Malah, dari segi persembahan makna, kamus elektronik bukan sahaja memaparkan teks, tetapi juga bunyi, gambar dan video agar pengguna menjadi lebih peka. Kita dapat melihat bahawa kamus elektronik mempunyai kelebihan dari sudut aplikasi unsur multimedia seperti teks, gambar, suara, video dan animasi dalam menjelaskan makna perkataan. Pengguna boleh mempelajari sebutan, ejaan, menggambarkan secara terus melalui gambar, di samping mencari makna bagi perbendaharaan kata yang baru, yang mana pengalaman ini tidak mungkin dapat didapati melalui kamus yang bercetak. Oleh yang demikian, penggunaan kamus elektronik atau digital ini semakin mendapat tempat di hati para pelajar, khususnya pada peringkat universiti sebagai salah satu strategi penting untuk meningkatkan kemahiran bahasa.

Antara kamus bahasa Arab yang boleh didapati secara dalam talian adalah seperti *Qamus al-Maany*, *dohadictionary.com*, *e-alQamus Online*, *Reverso.com*, *lexilogos.com*, *al-Mawrid*, *Kamus al-Munawwir* dan lain-lain. Walau bagaimanapun, jika dibandingkan dengan bahasa lain, pembangunan kamus bahasa Arab berasaskan web masih berada di tahap yang rendah terutamanya kamus dwibahasa bahasa Arab-Melayu. Tambahan pula, pihak yang menyediakan dan membangunkan bahan rujukan sebegini melalui internet juga amat sedikit (Rahimi, Zawawi & Wan Nordin, t.th).

Selain itu, kamus elektronik yang terdapat dalam talian hampir kesemuanya menawarkan makna dan definisi perkataan dalam bahasa Inggeris sebagai bahasa sasaran. Bahkan, dalam merujuk kepada beberapa istilah baru dan terkini, tidak banyak kamus yang boleh menawarkan kejelasan makna yang lebih menepati bahasa sasaran dan makna dalam konteks yang dikehendaki. Oleh yang demikian, penyelidik melihat bahawa satu usaha perlu digerakkan untuk menghasilkan satu kamus kontekstual bahasa Arab-Melayu-Inggeris yang bersifat interaktif dan boleh diakses melalui pelbagai peranti mudah alih. *E-Multiling Mu'jam* yang akan dibangunkan dalam bentuk laman web merupakan satu alternatif untuk dijadikan sumber maklumat dan rujukan kepada para pelajar bagi memperoleh maklumat di luar pembelajaran formal.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Berdasarkan pernyataan masalah yang dibincangkan, terdapat dua objektif utama yang ingin dicapai oleh penyelidik iaitu:

1. Menenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar universiti untuk menggunakan laman web pembelajaran sebagai platform pembelajaran sendiri dari segi tiga aspek iaitu kualiti maklumat dan kandungan, kualiti sistem dan proses pembelajaran.
2. Menenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar universiti semasa menggunakan laman web pembelajaran sebagai alternatif pembelajaran sendiri.

## **PERSOALAN KAJIAN**

Persoalan kajian yang akan dibincangkan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar universiti untuk menggunakan laman web pembelajaran sebagai platform pembelajaran sendiri dari segi tiga aspek iaitu kualiti maklumat dan kandungan, kualiti sistem dan proses pembelajaran?
2. Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar universiti semasa menggunakan laman web pembelajaran sebagai alternatif pembelajaran sendiri?

## **METODOLOGI KAJIAN**

## Reka bentuk Kajian

Dalam fasa analisis keperluan ke arah pembangunan satu laman web pembelajaran yang lebih inklusif, kajian kuantitatif menggunakan soal selidik telah dipilih bagi tujuan pengumpulan data. Kaedah pengumpulan data melalui soal selidik sangat sesuai digunakan sekiranya penyelidik ingin mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan sikap, persepsi dan pandangan selain daripada mengetahui latar belakang kumpulan sasaran (Siti Fatimah & Siti Hasmiza, 2018). Malah, menurut Jones (1996), proses mendapatkan data melalui instrumen soal selidik adalah kaedah yang paling sesuai dan cepat sekiranya kajian adalah berbentuk tinjauan. Ini adalah kerana penyelidik mudah untuk mendapatkan kerjasama daripada responden yang menjadi sampel kajian tanpa perlu mengeluarkan kos yang banyak serta menjimatkan masa. Dalam konteks kajian ini, borang soal selidik yang diadaptasi daripada kajian Mohd Nihra Haruzuan & Janarthini (2011) dan kajian Agatha & Muhamad Suhaimi (2016) telah digunakan sebagai instrumen kajian. Borang soal selidik diedarkan secara dalam talian dengan menggunakan kemudahan aplikasi kaji selidik *google form*. Soal selidik ini telah diubahsuai mengikut kesesuaian objektif kajian.

## Responden Kajian

Responden kajian ini melibatkan pelajar-pelajar peringkat Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi, Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Pemilihan responden adalah secara persampelan bertujuan (*purposive sampling*) yang mana responden kajian yang dipilih mempunyai ciri-ciri tertentu sahaja berdasarkan pengetahuan dan tujuan khusus penyelidikan.

Dalam kajian ini, pelajar tahun 3 yang mengambil mata pelajaran *Maharah al-Tarjamah* (Kemahiran Terjemahan) pada semester dua bagi sesi pengajian 2020/2021 sahaja yang dipilih. Mereka dipilih sebagai responden dalam kajian ini kerana mempunyai latar belakang pembelajaran bahasa Arab pada tahap pertengahan. Para pelajar ini juga menggunakan kamus elektronik berasaskan web sebagai alat bantu belajar dan rujukan utama dalam melaksanakan tugas berkaitan mata pelajaran terjemahan. Seramai 80 orang pelajar telah mengambil bahagian dalam kajian ini.

## Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik. Soal selidik ini mengandungi 30 item dan terbahagi kepada tiga bahagian seperti berikut:

**Bahagian A:** Latar belakang responden, kekerapan penggunaan laman web semasa proses pembelajaran dan contoh laman web yang pernah dilayari oleh pelajar untuk tujuan pembelajaran.

**Bahagian B:** Faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan laman web sebagai alternatif pembelajaran sendiri. Bahagian ini terdiri daripada 22 item dan terbahagi kepada tiga aspek utama iaitu; kualiti maklumat dan kandungan, kualiti sistem dan proses pembelajaran.

**Bahagian C:** Masalah yang dihadapi oleh pelajar semasa menggunakan laman web dalam proses pembelajaran sendiri. Bahagian ini mengandungi 8 item.

Soal selidik ini dibina berdasarkan Lima Skala Likert iaitu; 5- Sangat Setuju (SS), 4- Setuju (S), 3- Tidak Pasti (TP), 2- Tidak Setuju (TS) dan 1- Sangat Tidak Setuju (STS).

#### **Analisis Data**

Data yang diperolehi daripada borang soal selidik secara dalam talian dianalisis menggunakan perisian *Microsoft Excel* secara deskriptif. Item-item di bahagian A akan dianalisis berdasarkan kekerapan dan peratusan. Manakala item-item di bahagian B dan bahagian C, dianalisis berdasarkan kekerapan, peratusan dan juga min. Penyelidik memilih interpretasi skor min yang dicadangkan oleh Alias Baba (1999) semasa membuat analisis seperti dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Interpretasi Skor Min dalam 5 tahap (Skala likert 5)

<b>Julat</b>	<b>Tahap Skor Min</b>
1.00 – 1.80	Sangat Rendah
1.81 – 2.60	Rendah
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Tinggi
4.21 – 5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Alias Baba (1999)

## **DAPATAN KAJIAN**

## Bahagian A: Latar Belakang Responden

Bahagian ini mengandungi beberapa soalan iaitu; jantina, kekerapan menggunakan laman web berserta contoh. Seramai 80 orang responden telah menjawab borang soal selidik yang diedarkan melalui *Google Form*. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 68 pelajar perempuan iaitu sebanyak 85% telah memberi maklum balas. Manakala hanya 12 responden sahaja iaitu sebanyak 15% terdiri daripada pelajar lelaki. Ini menunjukkan bahawa jumlah responden perempuan adalah jauh lebih ramai berbanding responden lelaki.

Dari segi kekerapan menggunakan laman web dalam proses pembelajaran, sebanyak 85% (n=68) responden menyatakan mereka selalu menggunakannya sebagai rujukan semasa proses pembelajaran, manakala hanya 15% (n=12) sahaja dari pada pelajar yang kadang-kadang menggunakan laman web bagi tujuan tersebut. Dapatan kajian mendapati tiada pelajar yang terkecuali daripada menggunakan laman web dalam aktiviti pembelajaran mereka.

Jadual 2 di bawah menunjukkan beberapa contoh laman web yang menjadi pilihan para pelajar bagi tujuan pembelajaran iaitu;

Jadual 2: Contoh Laman Web Pilihan Pelajar

No	Laman Web	Responden
1.	<a href="https://www.wikipedia.org/">https://www.wikipedia.org/</a>	10
2.	<a href="https://scholar.google.com/">https://scholar.google.com/</a>	6
3.	<a href="https://www.almaany.com">https://www.almaany.com</a>	29
4.	<a href="https://context.reverso.net/translation/">https://context.reverso.net/translation/</a>	5
5.	<a href="https://mawdoo3.com/">https://mawdoo3.com/</a>	16
6.	<a href="https://translate.google.com.my/">https://translate.google.com.my/</a>	6
7.	<a href="https://islaamiclibrary.wordpress.com/">https://islaamiclibrary.wordpress.com/</a>	5
8.	<a href="https://prpm.dbp.gov.my/">https://prpm.dbp.gov.my/</a>	1
9.	<a href="https://www.aljazeera.com/">https://www.aljazeera.com/</a>	1
10.	<a href="https://www.madinaharabic.com/">https://www.madinaharabic.com/</a>	1
	Jumlah	80

Dapatan menunjukkan bahawa kamus elektronik *almaany* adalah laman web yang paling banyak dirujuk oleh responden sebagai sumber utama dalam proses pembelajaran sendiri iaitu seramai 29 orang, diikuti oleh *mawdoo3.com* iaitu seramai 16 orang, kemudian *Wikipedia* seramai 10 orang, *Google Translate* seramai 6 orang, *Reverso Context* dan *Islamic Library* seramai 5 orang, manakala laman-laman web lain adalah seorang sahaja.

## Bahagian B: Faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan laman web sebagai alternatif pembelajaran sendiri.

Bahagian B mengandungi pernyataan yang berkaitan dengan "Faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar untuk menggunakan laman web sebagai alternatif pembelajaran sendiri" dan terbahagi kepada tiga aspek utama iaitu berkaitan kualiti maklumat dan kandungan, kualiti sistem dan proses pembelajaran.

### 1. Dapatan Persoalan Kajian 1

Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar universiti untuk menggunakan laman web pembelajaran sebagai platform pembelajaran sendiri dari segi tiga aspek iaitu kualiti maklumat dan kandungan, kualiti sistem dan proses pembelajaran?

Jadual 3: Kualiti Maklumat dan Kandungan

No	Item	STS	TS	TP	S	SS	Min
1.	Maklumat dan kandungan pembelajaran adalah sesuai dengan tahap pelajar.	0 0%	0 0%	2 2.5%	42 52.5%	36 45%	4.43
2.	Maklumat dan kandungan pembelajaran adalah mencukupi.	0 0%	7 8.8%	10 12.5%	47 58.8%	16 20%	3.94
3.	Maklumat dan kandungan pembelajaran yang disediakan dalam laman web dapat menarik minat dan memberikan motivasi kepada pelajar.	0 0%	2 2.5%	5 6.3%	53 66.3%	20 25%	4.16
4.	Kepelbagaian elemen multimedia yang digunakan bagi tujuan menyampaikan maklumat dan kandungan pembelajaran dalam laman web adalah berkesan.	0 0%	1 1.2%	7 8.8%	45 56.3%	27 33.8%	4.22
5.	Maklumat dan kandungan pembelajaran dalam laman web menyusahkan dan mengelirukan pelajar.	7 8.8%	35 43.8%	26 32.5%	10 12.5%	2 2.5%	2.59
6.	Maklumat dan kandungan pembelajaran yang disediakan bersistematik dan	0 0%	0 0%	12 15%	54 67.5%	14 17.5%	4.03

	terdapatnya hubungan antara satu sama lain.						
7.	Maklumat dan kandungan pembelajaran yang disediakan dapat membantu saya menyelesaikan tugas seperti kuiz, ujian dan lain-lain.	0	4	8	44	24	
		0%	5%	10%	55%	30%	4.11
8.	Struktur komponen pembelajaran dalam laman web disusun dengan baik.	1	1	18	46	14	
		1.2%	1.2%	22.5%	57.5%	17.5%	3.89
9.	Struktur komponen pembelajaran dalam laman web mudah difahami.	0	1	8	55	16	4.08
		0%	1.2%	10%	68.8%	20%	

Jadual 3 di atas merupakan hasil analisis data bagi faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar universiti untuk menggunakan laman web sebagai platform pembelajaran sendiri dari segi kualiti maklumat dan kandungan. Hasil dapatan menunjukkan item 1 memperoleh skor min sangat tinggi iaitu 4.43 yang mana seramai 36 orang responden (45%) sangat setuju dengan pernyataan "maklumat dan kandungan pembelajaran adalah sesuai dengan tahap pelajar". Manakala seramai 42 orang responden (52.5%) menyatakan setuju, disusuli dengan 2 orang (2.5%) memberikan jawapan tidak pasti dengan pernyataan tersebut.

Kemudian diikuti dengan item 4 (mean: 4.22) yang juga mendapat skor min pada tahap sangat tinggi. Pernyataan "Kepelbagaian elemen multimedia yang digunakan bagi tujuan menyampaikan maklumat dan kandungan pembelajaran dalam laman web adalah berkesan" menyaksikan 56.3% (n=45) dalam kalangan pelajar tersebut bersetuju dan 33.8% (n=27) daripadanya sangat bersetuju. Manakala 8.8% (n=7) memberi jawapan tidak pasti dan hanya 1.2% (n=1) mewakili jawapan tidak bersetuju dengan pernyataan di atas.

Manakala item yang mendapat skor min tahap tinggi iaitu di antara (3.41 – 4.20) adalah item 3 (min: 4.16), item 7 (min: 4.11), item 9 (min: 4.08), item 8 (min: 3.89) dan item 2 (min: 3.94).

Item 3 iaitu "maklumat dan kandungan pembelajaran yang disediakan dalam laman web dapat menarik minat dan memberikan motivasi kepada pelajar" menunjukkan peratusan tertinggi bersetuju iaitu sebanyak 66.3% (n=53), diikuti dengan 25% (n=20) sangat bersetuju. Manakala hanya 2.5% (n=2) mewakili responden yang memberikan jawapan tidak bersetuju serta 6.3% (n=5) tidak pasti mengenainya.

Item 7 pula iaitu "maklumat dan kandungan pembelajaran yang disediakan dapat membantu saya menyelesaikan tugas seperti kuiz, ujian dan lain-lain" merekodkan maklum balas yang pelbagai daripada para pelajar tersebut; 55% (n=44) bersetuju, 30% (n=24) sangat bersetuju, 10% (n=8) tidak pasti dan bakinya iaitu 5% (n=4) tidak bersetuju dengannya.

Item 9 merujuk pernyataan "struktur komponen pembelajaran dalam laman web mudah difahami" memaparkan empat maklum balas berbeza daripada para pelajar terbabit; 68.8% (n=55) bersetuju dengannya, 20% (n=16) sangat bersetuju, 10% (n=8) menjawab tidak pasti. Manakala peratusan terkecil direkodkan iaitu 1.2% (n= 1) memberi jawapan tidak bersetuju.

Item 8 berkaitan pernyataan "struktur komponen pembelajaran dalam laman web disusun dengan baik" menunjukkan peratusan tertinggi iaitu 57.5% (n=46) bersetuju dengannya, diikuti dengan 17.5% (n=14) sangat bersetuju. Manakala terdapat pelajar yang tidak pasti dengannya iaitu mewakili 22.5% (n=18) dan masing-masing 1.2% (n=1) bagi respon tidak setuju dan sangat tidak setuju.

Item 2 berkaitan pernyataan "maklumat dan kandungan pembelajaran adalah mencukupi" memaparkan seramai 47 orang responden (58.8%) memberikan jawapan bersetuju. Manakala seramai 16 orang responden (20%) pula sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut. Kajian turut mendapati seramai 10 orang responden (12.5%) tidak pasti dengan pernyataan di atas, diikuti dengan 8.8% menyatakan tidak bersetuju.

Jadual 4: Kualiti Sistem

No	Item	STS	TS	TP	S	SS	Min
1.	Menggunakan laman web membolehkan saya untuk memilih tajuk-tajuk untuk dipelajari mengikut keutamaan saya.	0 0%	3 3.7%	8 10%	51 67.3%	18 22.5%	4.08
2.	Menggunakan laman web pembelajaran memberikan saya fleksibiliti untuk belajar mana-mana topik pada bila-bila masa dan di mana-mana.	0 0%	3 3.7%	2 2.5%	41 51.2%	34 42.5%	4.32
3.	Penggunaan laman web pembelajaran membolehkan saya untuk mempelajari pelajaran dalam bentuk yang	0 0%	3 3.7%	6 7.5%	46 57.5%	25 31.3%	4.17

	sesuai dengan gaya pembelajaran saya.												
4.	Penggunaan laman web membolehkan saya mendapatkan maklumat dengan mudah dan cepat.	0	0	3	45	32	0%	0%	3.7%	56.3%	40%	4.37	
5.	Menggunakan laman web pembelajaran membolehkan saya berinteraksi dengan kawan-kawan dan pengguna luar.	0	6	27	34	13	0%	7.5%	33.8%	42.5%	16.3%	3.68	
6.	Mengakses sumber maklumat daripada laman web (contohnya, Wikipedia, Internet, blog) sesuai dengan gaya hidup saya.	0	5	6	51	18	0%	15	6.3%	7.5%	67.3%	22.5%	4.04
7.	Saya lebih banyak belajar daripada kursus dalam talian berbanding secara bersemuka (face-to-face)	0	13	24	28	15	0%	16.2%	30%	35%	18.8%	3.58	

Jadual 4 di atas merupakan hasil analisis data bagi faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar universiti untuk menggunakan laman web sebagai platform pembelajaran sendiri dari segi kualiti sistem. Hasil dapatan menunjukkan dua item memperoleh skor min sangat tinggi. Bagi item 2 (min: 4.32), seramai 34 responden (42.5%) sangat bersetuju dengan pernyataan "menggunakan laman web pembelajaran memberikan saya fleksibiliti untuk belajar mana-mana topik pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Manakala seramai 41 orang responden (51.2%) bersetuju. Kajian juga mendapati seramai 3 orang responden (3.7%) tidak bersetuju dan 2 orang (2.5%) menjawab tidak pasti.

Kemudian diikuti dengan item 4 (mean: 4.37) yang juga mendapat skor min pada tahap sangat tinggi. Pernyataan "penggunaan laman web membolehkan saya mendapatkan maklumat dengan mudah dan cepat" menyaksikan 56.3% (n=45) dalam kalangan pelajar tersebut bersetuju dan 40% (n=32) daripadanya sangat bersetuju. Manakala hanya 3.7% (n=3) memberi jawapan tidak pasti.

Manakala item yang mendapat skor min tahap tinggi iaitu di antara (3.41 – 4.20) adalah item 7 (min: 3.58), item 5 (min: 3.68), item 6 (min: 4.04), item 1 (min: 4.08) disusuli oleh item 3 (min:4.17).

Item 7 iaitu "saya lebih banyak belajar daripada kursus dalam talian berbanding secara bersemuka (*face-to-face*)" memaparkan peratusan lebih kurang hampir sama antara bersetuju dengan sebaliknya bagi pernyataan ini. Skala setuju dan sangat setuju masing-masing sebanyak 35% (n=28) dan 18.8% (n=15), manakala skala tidak pasti dan tidak bersetuju masing-masing mewakili peratusan sebanyak 30% (n=24) dan 16.2% (n=13).

Item 5 iaitu "menggunakan laman web pembelajaran membolehkan saya berinteraksi dengan kawan-kawan dan pengguna luar" menunjukkan variasi skala yang diberikan oleh pelajar terbabit dalam bentuk peratusan seperti berikut; 42.5% (n=34) bersetuju, 33.8% (n=27) tidak pasti, 16.3% (n=13) sangat bersetuju dan 7.5% (n=6) tidak bersetuju dengan pernyataan ini.

Item 6 iaitu "mengakses sumber maklumat daripada laman web (contohnya, Wikipedia, Internet, blog) sesuai dengan gaya hidup saya' merekodkan lebih daripada separuh responden memberikan respon positif bagi pernyataan ini; 63.7% (n=51) bersetuju dan 22.5% (n=18) sangat bersetuju. Kajian mendapati hanya 7.5% (n=6) tidak pasti dan 6.3% (n=5) tidak bersetuju dengannya.

Item 1 iaitu "menggunakan laman web membolehkan saya membuat pemilihan tajuk-tajuk untuk dipelajari mengikut keutamaan saya" mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 63.7% (n=51) bagi skala setuju dengan pernyataan ini, diikuti dengan 22.5% (n=18) bagi skala sangat setuju. Manakala sebanyak 10% (n=8) mewakili skala tidak pasti dan hanya 3.7% (n=3) tidak setuju dengannya.

Item 3 iaitu "penggunaan laman web pembelajaran membolehkan saya untuk mempelajari pelajaran dalam bentuk yang sesuai dengan gaya pembelajaran saya" menunjukkan peratusan pelajar yang bersetuju dengan pernyataan di atas sebanyak 57.5% (n=46), disusuli dengan 31.3% (n=25) sangat bersetuju. Manakala kajian mendapati terdapat peratusan mewakili pelajar yang tidak pasti iaitu sebanyak 7.5% (n=6) dan hanya 3.7% (n=3) tidak setuju dengannya.

Jadual 5: Proses Pembelajaran

No	Item	STS	TS	TP	S	SS	Min
1.	Laman web pembelajaran membolehkan pengguna	0	1	10	53	16	4.05
		0%	1.2%	12.5%	66.3%	20%	

	mempelajari kandungan dengan fleksibel.							
2.	Proses pembelajaran menggunakan laman web membantu saya memberikan tumpuan yang penuh.	3	8	31	29	9		
		3.7%	10%	38.8%	36.3%	11.3%		3.44
3.	Saya dapat memahami konsep yang sukar dengan adanya laman web pembelajaran.	0	5	21	45	9		
		0%	6.3%	26.2%	56.3%	11.3%		3.73
4.	Saya berasa selesa belajar menggunakan komputer berpandukan laman web pembelajaran.	0	8	18	46	8		
		0%	10%	22.5%	57.5%	10%		3.69
5.	Proses pembelajaran menggunakan laman web pembelajaran dapat menambahkan pengetahuan saya.	0	1	6	51	22		
		0%	1.2%	7.5%	63.7%	27.5%		4.12
6.	Menggunakan laman web pembelajaran membantu saya menguruskan jadual waktu belajar dengan baik.	1	12	22	36	9		
		1.2%	15%	27.5%	45%	11.3%		3.48

Jadual 5 di atas merupakan hasil analisis data bagi faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar universiti untuk menggunakan laman web sebagai platform pembelajaran sendiri dari aspek proses pembelajaran. Hasil dapatan menunjukkan kesemua item memperoleh tahap skor min tahap tinggi iaitu di antara (3.41 - 4.20) seperti berikut: item 5 (min: 4.12), item 1 (min: 4.05), item 3 (min: 3.73), item 4 (min: 3.69), item 6 (min: 3.48) dan terakhir item 2 (min: 3.44).

Item 5 iaitu "proses pembelajaran menggunakan laman web pembelajaran dapat menambahkan pengetahuan saya" mencatatkan 63.7% (n=51) memberi jawapan setuju. Manakala 27.5% (n=22) sangat setuju dan hanya 1.2% (n=1) tidak setuju. Kajian turut mengenal pasti 7.5% (n=6) memberi jawapan tidak pasti.

Item 1 iaitu "laman web pembelajaran membolehkan saya mempelajari kandungan dengan fleksibel" menunjukkan peratusan tertinggi menyokongnya iaitu 86.3% (n=69). Manakala hanya 1.2% (n=1) tidak bersetuju dan 12.5% lagi (n=10) tidak pasti dengan pernyataan tersebut.

Item 3 iaitu "saya dapat memahami konsep yang sukar dengan adanya laman web pembelajaran" pula merekodkan sebanyak 67.6% (n=54) menyokong pernyataan ini. Manakala sebanyak 6.3% (n=5) tidak bersetuju dengannya dan 26.2% (n=21) tidak pasti dengannya.

Item 4 iaitu "saya berasa selesa belajar menggunakan komputer berpandukan laman web pembelajaran" mencatatkan rekod sebanyak 57.5% (n=46) bagi skala setuju. Manakala sebanyak 10% (n=8) sangat bersetuju, diikuti dengan 22.5% (n=18) tidak pasti serta 10% (n=8) tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Item 6 iaitu "menggunakan laman web pembelajaran membantu saya menguruskan jadual waktu belajar dengan baik" mencatatkan 45% (n=36) memberi jawapan setuju. Manakala 11.3% (n=9) sangat setuju dan masing-masing 15% (n=12) dan 1.2% (n=1) bagi skala tidak setuju dan sangat tidak setuju. Kajian turut mengenal pasti 27.5% (n=22) memberikan jawapan tidak pasti bagi pernyataan tersebut.

Item 2 iaitu "proses pembelajaran menggunakan laman web membantu saya memberikan tumpuan yang penuh" memaparkan pelbagai maklum balas daripada responden terbabit iaitu; 36.3% (n=29) bersetuju dengannya, 11.3% (n=9) sangat bersetuju, 10% (n=8) tidak bersetuju dan 3.7% (n=3) sangat tidak bersetuju. Kajian turut mendapati peratusan yang agak tinggi bagi skala tidak pasti iaitu sebanyak 38.8% (n=31).

### **Bahagian C: Masalah yang dihadapi oleh pelajar semasa menggunakan laman web semasa proses pembelajaran sendiri.**

#### **2. Dapatan Persoalan Kajian 2**

Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar universiti semasa menggunakan laman web pembelajaran sebagai alternatif pembelajaran sendiri?

Jadual 6: Masalah-masalah penggunaan laman web

No	Item	STS	TS	TP	S	SS	Min
1.	Saya berminat untuk mengakses laman web bagi tujuan proses pembelajaran.	1	1	0	52	26	
		1.2%	1.2%	0%	65%	32.5%	4.27
2.	Saya tidak berminat mengakses laman web yang mengandungi iklan.	2	9	7	29	33	
		2.5%	11.3%	8.8%	36.2%	41.3%	4.03
3.		3	32	20	20	5	2.89

	Saya sentiasa menghadapi masalah <i>login</i> semasa mengakses laman web pembelajaran.	3.7%	40%	25%	25%	6.3%	
4.	Saya berasa serik menggunakan laman web pembelajaran disebabkan kerap berlaku masalah internet tidak stabil.	3	35	17	19	6	2.86
		3.7%	43.8%	21.3%	23.8%	7.5%	
5.	Saya berasa serik menggunakan laman web pembelajaran disebabkan kerap berlaku masalah <i>Database Error</i> .	4	29	20	21	6	2.98
		5%	36.2%	25%	26.3%	7.5%	
6.	Masalah <i>virus</i> melalui internet menyebabkan saya berasa was-was mengakses laman web pembelajaran.	2	20	21	26	11	3.32
		2.5%	25%	26.3%	32.5%	13.8%	
7.	Saya tidak berminat untuk mengakses laman web pembelajaran disebabkan oleh maklumat dan bahan pembelajaran tidak dikemaskini.	1	25	30	18	6	3.04
		1.2%	31.3%	37.5%	22.5%	7.5%	
8.	Saya suka menggunakan laman web pembelajaran yang menyediakan bantuan teknikal jika diperlukan.	0	1	12	42	25	4.14
		0%	1.2%	15%	52.5%	31.3%	

Jadual 6 di atas merupakan hasil analisis data bagi masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar universiti semasa menggunakan laman web pembelajaran sebagai alternatif pembelajaran sendiri. Hasil dapatan menunjukkan satu sahaja item yang memperoleh skor min sangat tinggi iaitu item 1 (min: 4.27). Seramai 52 responden (65%) bersetuju dengan pernyataan "saya berminat untuk mengakses laman web bagi tujuan proses pembelajaran. Manakala seramai 26 orang responden lagi (32.5%) sangat bersetuju. Kajian turut mendapati bahawa bagi skala tidak bersetuju dan tidak pasti, masing-masing mewakili seorang responden dengan peratusan sebanyak 1.2%.

Kemudian diikuti dengan item 8 dan item 2 yang mendapat skor min pada tahap tinggi. Bagi item 8 (min: 4.14), seramai 42 responden (52.5%) bersetuju dengan pernyataan "saya suka menggunakan laman web pembelajaran yang menyediakan bantuan teknikal jika diperlukan". Manakala seramai 25 orang responden (31.3%)

menyatakan persetujuan. Kajian juga mendapati seramai 12 orang responden (15%) tidak bersetuju dan hanya seorang (1.2%) menjawab tidak pasti.

Bagi item 2 (min: 4.03) pula, seramai 33 responden (41.3%) sangat bersetuju dengan pernyataan "saya tidak berminat mengakses laman web pembelajaran yang mengandungi iklan". Manakala seramai 29 orang responden (36.2%) bersetuju dengan pernyataan tersebut. Kajian turut mengenal pasti seramai 9 orang responden (11.3%) tidak bersetuju dan hanya 2 orang (2.5%) menjawab sangat tidak setuju. Namun, ada dalam kalangan pelajar tersebut iaitu seramai 7 orang (8.8%) memberikan jawapan tidak pasti.

Manakala item yang mendapat skor min tahap sederhana iaitu di antara (2.61 – 3.40) adalah item 6 (min: 3.32), item 7 (min: 3.04), item 5 (min: 2.98), item 3 (min: 2.89) dan item 4 (min: 2.86).

## **PERBINCANGAN**

### **Perbincangan Dapatan Persoalan Kajian 1**

Daripada hasil analisis kajian, didapati bahawa antara faktor-faktor yang mempengaruhi seseorang pelajar menggunakan laman web sebagai alternatif pembelajaran sendiri adalah kualiti kandungan yang menepati tahap pengetahuan pelajar berdasarkan skor min yang diperolehi adalah paling tinggi. Ini disokong oleh banyak kajian lepas seperti kajian Chan et. al. (2003), Mohd Nihra & Janarthini (2011) dan Mohd Zulkhairi (2012) dan kajian Mohd Shahrizal et.al (2016). Respon pelajar juga menunjukkan selain daripada faktor isi kandungan, mereka tidak menafikan bahawa kepelbagaian elemen multimedia (teks, audio, video, gambar) turut diperlukan dalam menyampaikan maklumat atau kandungan pembelajaran tersebut. Antara faktor lain yang berkaitan dengan kandungan pembelajaran juga adalah, pelajar lebih berminat mengakses laman web yang memaparkan maklumat yang dapat menarik minat dan memberikan motivasi kepada mereka. Malah, hasil maklum balas pelajar mendapati, mereka lebih tertarik untuk mengakses laman web yang boleh membantu mereka menyelesaikan pelbagai tugas di universiti seperti projek, kuiz, ujian dan sebagainya.

Ini menunjukkan bahawa dalam membina satu bahan pengajaran atau pembelajaran berasaskan web, isi kandungan adalah aspek paling utama dalam proses reka bentuk dan pembangunan bahan. Di samping itu, unsur-unsur multimedia yang boleh menarik minat dan mengekalkan motivasi pelajar turut perlu diberi perhatian sewajarnya supaya ia dapat memenuhi gaya pembelajaran pelajar yang berbeza-beza. Hal ini kerana kebanyakan kamus elektronik yang berada di

pasaran pada hari ini hanya memaparkan teks semata-mata tanpa dibantu oleh elemen-elemen multimedia yang lain.

Dari aspek kualiti sistem, maklum balas pelajar menunjukkan fleksibiliti, penjimatan kos dan masa adalah antara faktor yang menjadi pilihan pelajar dalam menggunakan laman web sebagai platform pembelajaran sendiri. Ini menunjukkan bahawa penggunaan laman web sebagai platform pembelajaran memberi kebebasan kepada pelajar dari segi ruang, masa dan lokaliti. Malah, respon pelajar mendapati mereka lebih banyak belajar dan mempelajari sesuatu yang baharu daripada apa yang dipaparkan di dalam laman web berbanding secara bersemuka di dalam kelas. Ini menunjukkan faktor persekitaran tidak memberi kesan yang besar kepada pelajar dalam menggunakan laman web dalam aktiviti pembelajaran.

Merujuk kepada faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar untuk menggunakan laman web sebagai platform pembelajaran sendiri dari aspek proses pembelajaran, majoriti item-item yang dikemukakan kepada pelajar berada pada tahap tinggi. Para pelajar sangat menyokong penggunaan laman web boleh menambahkan pengetahuan dan membantu mereka memahami konsep-konsep yang sukar dengan lebih baik. Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan laman web 2.0 dalam pembelajaran masih sangat relevan dalam era revolusi industri 4.0 dan boleh dikembangkan dengan tambahan beberapa elemen teknologi baharu yang lain.

## **Perbincangan Dapatan Persoalan Kajian 2**

Hasil maklum balas yang diberikan oleh pelajar mendapati bahawa mereka menunjukkan minat yang sangat tinggi untuk menggunakan laman web sebagai bahan bantu pembelajaran. Ini menunjukkan pelajar tidak menghadapi masalah dari segi minat dalam penggunaan bahan yang berasaskan web. Hasil kajian juga mengenal pasti bahawa sokongan teknikal yang disediakan oleh sesuatu laman web turut memainkan peranan yang sangat penting memandangkan item ini memperolehi skor min yang tinggi. Hasil kajian ini selari dengan apa yang dijalankan oleh Agatha & Muhammad Suhaimi (2016) iaitu menyatakan sokongan teknikal mempengaruhi pelajar dalam penggunaan e-pembelajaran. Di samping itu, gangguan seperti iklan tidak berbayar yang sering terpapar di laman web perlu dielakkan supaya tidak mengganggu tumpuan pelajar.

Selain itu, masalah-masalah luaran seperti masalah daftar masuk (*login*), *database error*, ancaman virus, internet tidak stabil tidak menjadi masalah yang serius kepada para pelajar. Hasil dapatan ini tidak menyokong kajian yang dijalankan oleh Mohd Nihra & Janarthini (2011) yang turut melakukan kajian yang sama.

## **KESIMPULAN**

Pembangunan bahan pengajaran dan pembelajaran berasaskan web yang menggunakan teknologi multimedia menjadi keperluan dalam menyokong proses pembelajaran pelajar di samping mengekalkan peranan pengajar sebagai fasilitator. Bagi menjayakan penggunaan teknologi dalam pembelajaran seperti kamus elektronik berasaskan web, maka kajian seperti mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan laman web harus dijalankan kepada kelompok sasaran agar penyelidik dapat mengambil langkah yang sewajarnya semasa proses reka bentuk dan pembangunan. Hal ini adalah sangat penting bagi memastikan segala kelemahan dapat diatasi pada peringkat awal.

Hasil kajian ini memberi implikasi kepada pelbagai pihak khususnya kepada penyelidik dan pembina modul pengajaran dan pembelajaran berbantuan teknologi terutamanya dari sudut penerimaan pengguna terhadap sesuatu produk pendidikan. Penambahbaikan yang berterusan perlu sentiasa dilakukan dari semasa ke semasa supaya bahan pembelajaran yang dibangunkan mampu memenuhi kehendak, keperluan objektif pembelajaran terkini pelajar.

## RUJUKAN

- Agatha F. Umbit dan Muhamad Suhaimi Taat. 2016. Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Penerimaan E-Pembelajaran dalam Kalangan Pelajar Di Institut. *Jurnal Penyelidikan IPGK BL*, 13, 1-14.
- Ahmad Rafeai Ayudin & Norhasni Zainal Abiddin. 2007. Persepsi Pelajar Terhadap Pembelajaran Akses Kendiri Melalui Penggunaan Laman Web Dan Kesannya Terhadap Mata Pelajaran Sejarah. Dalam *Prosiding Persidangan Pengajaran dan Pembelajaran di Peringkat Pengajian Tinggi 2007*, hlm 158-166.
- Alan Y.K. Chan, K.O. Chow, dan Weijia Jia, 2003. *A Framework for Evaluation of Learning Effectiveness in Online Courses*, Springer-Verlag Berlin Heidelberg, Hong Kong, 383-395.
- Alias Baba. 1999. *Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bacha, N., & Bahous, R. 2008. Contrasting views of business students' writing needs in EFL environment. *English for Specific Purposes*, 27, 74-93. <http://dx.doi.org/10.1016/j.esp.2007.05.001>
- Benesch, S. 2001. *Critical English for academic purposes*. Blackwell Publishing Ltd.
- Brown, J. D. 1995. *The Elements of Language Curriculum: A Systematic Approach to Program Development*. New York: Heinle & Heinle.
- Che Abdul Majid Che Omar dan Hassan Basri Awang Mat Dahan. 2011. The development of E-dictionary for the use with "Maharat al-Qiraah" textbook at a Matriculation Centre in a University in Malaysia. *TOJET : The Turkish Online Journal of Educational Technology*, 10(3), 255-264.

- Hutchinson, T., & Waters, A. 1987. *English for specific purposes*. Cambridge University Press.
- Hyland, K. 2005. *Second Language Writing*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Johari Hassan and Mohd Hairil Moh Khambali. (2011). *Pembangunan sistem pembelajaran berasaskan web untuk mata pelajaran Matematik tingkatan satu di bawah tajuk Peratus*. *Journal of Science & Mathematics Education*, 1-8.
- Jones, L. 2007. *The Student-Centered Classroom*. Cambridge University Press.
- Jones K.H, Womble, M. and Searcy, C.A 1996. T & I Education Students. Perceptions of Courses. *Journal of Industrial Teacher Education*. 34(2), 82 – 101.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. 2007. *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Johor: Penerbit UTM.
- Knowles, M. 1975. *Self-directed Learning: A Guide for Learners and Teachers*. Cambridge Adult Education.
- McKillip, J. 1987. *Need analysis: tools for the human services and education*. Newbury Park, CA: Sage.
- Mohd Nihra Haruzuan B. Mohamad Said dan Janarthini A/P Krishnan. 2011. Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penggunaan E-Pembelajaran Di Kalangan Pelajar Tahun Akhir Jabatan Multimedia (Spk, Spt Dan Spp) Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. *Journal of Social Science*, 3, 206-225.
- Mohd Shahrizal Nasir, Mohd Firdaus Yahaya, Mohd Fauzi Abdul Hamid & Muhammad Sabri Sahrir. 2016. Analisis Respons Pelajar terhadap Reka Bentuk Laman E-Pembelajaran Bahasa Arab melalui EZ-Arabic.net untuk Pelajar Sekolah Rendah. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 3(2), 1-18.
- Mohd Zulkhairi Bin Abdul Hamid. 2012. *Reka Bentuk Perisian Pembelajaran Balaghah Arab Peringkat Sekolah Menengah*. Disertasi Ijazah Sarjana Pengajian Bahasa Moden, Universiti Malaya.
- Momtazur, R. M., Thang, S. M., Mohd, S. A. A., & Norizan, A. R. 2009. Needs analysis for developing an ESP course for foreign postgraduates in science and technology. *Asian ESP Journal*, 5(2), 34-59.
- Muhamaad Razis Ismail. 2020. Terap Pembelajaran Kendiri. *Harian Metro*, 9 Mac 2020. Dicapai pada 6 Julai 2021 dari <https://www.hmetro.com.my/akademia/2020/03/552504/terap-pembelajaran-kendiri>
- Muhammad Ridhuan Tony. 2014. *Development of activity based M-learning Implementation Model for Undergraduate English Language Learning*. Thesis Kedoktoran, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Nik Safiah Karim. 1994. Leksikografi Melayu: beberapa perspektif linguistik. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Perkamusan Melayu. [Malay lexicography: several linguistics perspectives]. *Paper Presented at Conference of Malay Language Dictionary Development*. Co-organized by Dewan Bahasa dan Pustaka, and Malaysian Linguistic Association on 20-21 December 1994.

- Norliza Hussin, Mohamad Sattar Rasul dan Roseamnah Abd. Rauf. 2013. Penggunaan Laman Web Sebagai Transformasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam. *The Online Journal of Islamic Education*, 1(2), 58-73.
- Norma Mohamad. 2002. *Penggunaan kamus Arab-Melayu di kalangan pelajar sekolah menengah*. Disertasi Sarjana: Kuala Lumpur, Universiti Malaya.
- O'Neill, G and McMahan, T. 2005. Student-Centred Learning: What does it mean for students and lecturers?. Dalam *Emerging issues in the practice of University Learning and Teaching*. G. O'Neill, S. Moore, B. McMullin (Eds). The All Ireland Journal of Teaching and Learning in Higher Education (AISHE-J), 30-39.
- R. Taufiqurrochman. 2016. *Al-Maajim al-Arabiah wa Istikhdamiha fi Indonesia*. International Journal of Education, 1(2), 131.
- Rahimi Md. Saad, Zawawi Ismail & Wan Nordin Wan Abdullah. (t.th). *Pengajaran dan Pembelajaran Arab Berasaskan Web*. Dicapai pada 5 Julai 2021 dari <http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/seminarpapers/2005/rahimiUM.pdf>
- Reyes, V.T. 2019. *Self-Learning Techniques to Contribute to the Learning of the English Language of the Students*. Dicapai pada 5 Julai 2021 dari <https://files.eric.ed.gov/fulltext/ED595374.pdf>
- Richey, R.C, & Klein, J. D. 2007. *Design and development research: Methods, strategies, and issues*. London, UK: Routledge.
- Siti Fatimah Md Azali & Siti Hasmiza Hassan. 2018. Kajian Penerimaan Pelajar Terhadap Kaedah Massive Open Online Course (MOOC) Sebagai Medium Pembelajaran Di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra, Kedah. *Journal Of Technical And Vocational Education*, 1, 73-86.
- Siscanova, Anisa Widya . 2016. *Analisis Penguasaan Kosakata Siswa Terhadap Penggunaan Media Aplikasi "Kamus Digital Al Munawir" Dalam Pembelajaran Bahasa Arab*. S1 thesis, Universitas Pendidikan Indonesia.
- Vifansi, E. 2002. *Academic writing needs: an exploratory study of writing needs of ESL students*. (Doctoral thesis dissertation). Purdue University.
- Witkin, B.R. 1997. *Needs assessment kits, models, and tools*. Educational Technology, 17(11), 5-18.
- Zaleha Abdullah & Nor Idayu Syhida Aziz. 2011. *Pembangunan laman web bertajuk Pengenalan Kepada Kebarangkalian 1 bagi subjek matematik tingkatan empat menggunakan teori konstruktivisme dan teori kognitif*. Dicapai pada 11 Julai 2021 daripada <https://core.ac.uk/download/pdf/11787317.pdf>